



Mobiliti pelajar Malaysia, China

SERAMAI 20 pelajar dari Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris akan menyambung pengajian di China selama enam bulan mulai awal Mac lalu.

Program Mobiliti Pelajar Malaysia-China ini melibatkan pemindahan kredit dan menjadi sebahagian daripada proses pembelajaran mereka.

Kejayaan program mobiliti bergantung kepada silibus, struktur dan cara pemindahan kredit bagi satu-satu program akademik yang ditawarkan.

Justeru, pihak pengurusan IPT perlu mengenal pasti mana-mana universiti luar negara yang membolehkan pemindahan kredit dapat dilaksanakan dalam program itu.